



Hari Inovasi

suburkan budaya kerja cemerlang

Penganjuran Sambutan Hari Inovasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah satu inisiatif yang sangat bermakna dalam agenda pemerkasaan sistem penyampaian perkhidmatan dan penyuburan budaya kerja cemerlang di kalangan warga kerja (UMP).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, menghampiri genap sepuluh tahun usia penuh UMP pada 16 Februari 2012 yang akan datang, universiti berhadapan dengan cabaran untuk melaksanakan dan menjayakan agenda perdana iaitu Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Penggembelangan minda dan tenaga warga UMP sewajarnya ditangani melalui pendekatan yang melangkaui kelaziman, iaitu inovatif dan tidak stereotaip. Pembudayaan inovasi tidaklah terhad kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan di kalangan akademia semata-mata, tetapi bersifat menyeluruh yang merangkumi warga pengurus, pentadbir dan pelaksana serta mahasiswa secara keseluruhannya," katanya semasa berucap merasmikan sambutan Hari Inovasi UMP di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 15 Disember 2011 yang lalu.

Katanya, Belanjawan 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini juga memberi tumpuan terhadap mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, program transformasi luar bandar, memperkejap perkhidmatan awam serta meredakan inflasi dan mengimarahkan kesejahteraan rakyat.

Dato' Daing berkata, memahami hasrat yang dizahirkan ini, maka aspek inovasi berterusan dalam konteks transformasi dan anjakan paradigma

merupakan antara pendekatan penting bagi memaknakan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang menuntut kerangka pemikiran positif, citra proaktif dan niat yang jernih dalam kalangan warga universiti ini.

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan selaku penggerusi program berkata, bersempena sambutan kali ini pelbagai program menyemarakkan inovasi diadakan termasuklah Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) anjuran Jabatan Pendaftaran.

Begitu juga penganjuran program Bicara Inovasi yang disampaikan Yang di-Pertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (Kuala Lumpur), Dato' Syed Amin Al-Jeffri, Kursus Persekutuan Berkualiti, Ceramah Kesihatan dan Kesedaran Kanser Servik serta Taklimat Skim Saran Baharu Perkhidmatan Awam.

"Penggembelangan minda dan tenaga warga UMP sewajarnya ditangani melalui pendekatan yang melangkaui kelaziman, iaitu inovatif dan tidak stereotaip. Pembudayaan inovasi tidaklah terhad kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan di kalangan akademia semata-mata, tetapi bersifat menyeluruh yang merangkumi warga pengurus, pentadbir dan pelaksana serta mahasiswa secara keseluruhannya."

- Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim